

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa



# *Hikayat Hang Tuah*

**Suatu Pembicaraan Karya Agung  
dari Pelbagai Aspek**

**Lokman Abdul Samad**

# *Hikayat Hang Tuah*

**Suatu Pembicaraan Karya Agung  
dari Pelbagai Aspek**



**11-15 SEPTEMBER 2001**  
**KOTA KINABALU, SABAH**

**Lokman Abdul Samad**

*Hikayat Hang Tuah*

**Suatu Pembicaraan Karya Agung  
dari Pelbagai Aspek**

**Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah  
Kota Kinabalu  
2001**

© Lokman Abdul Samad  
First Printing / Cetakan Pertama, 2001

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah.

*Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Lokman Abd Samad

Hikayat Hang Tuah : suatu pembicaraan karya agung dari pelbagai aspek / [oleh] Lokman Abd Samad.

Bibliografi: ms 136.

Mengandungi indeks

ISBN 983-2188-33-4

1. Hikayat Hang Tuah--Criticism, Textual. 2. Malay literature--History and criticism. 1. Judul  
899.2309

Published in Malaysia by/ Diterbitkan di Malaysia oleh  
PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
Locked Bag 2073, 88999 Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia.

*Printed in Malaysia by / Dicetak di Malaysia oleh*  
**Percetakan CCS Sdn. Bhd. (225662-A)**  
No.11, Block G, Sri Kemajuan Industrial Estate,  
Mile 6-1/2, Jalan Tuaran, 88450 Inanam, Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel : 088-437120, 426120 Fax : 088-426120

*Salam kasih buat*

*Isteri; asmiaty  
dan anak-anakku; adlin, adnin & adzim hud*

# KANDUNGAN

*Prakata*  
*Penghargaan*  
*Kandungan*

## PENDAHULUAN

1-16

## BAB I

### KEINDAHAN BAHASA MELAYU KLASIK DALAM HIKAYAT HANG TUAH

17-56

## BAB II

### HIKAYAT HANG TUAH SEBAGAI KARYA KERAMAT DAN KUDUS

57-81

## BAB III

### PENJANAAN PEMIKIRAN BERDASARKAN HIKAYAT HANG TUAH DAN IMEJ HANG TUAH

82-98

## BAB IV

### HANG TUAH LAMBANG JATI DIRI MELAYU

99-113

## BAB V

### RUMUSAN

114-120

### RUJUKAN

121-126

### INDEKS

127-129

## **PENGHARGAAN**

Syukur di atas kekuatan dan inayah yang diberikan olehNya, saya mampu menyiapkan tulisan ini dan menerbitkannya. Sepanjang penulisan dan proses penerbitan buku ini saya amat bersyukur kepada Tuhan kerana sentiasa diberikan kesihatan dan kekuatan menghadapi segala cabaran dan rintangan. Sepanjang penulisan dan penerbitan buku ini saya banyak berhutang budi kepada pelbagai pihak. Justeru, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa khususnya Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman Naib Canselor, UMS, Prof. Ahmat Adam Dekan, PPIB dan Prof. Mohd. Sarim Haji Mustajab Timbalan Dekan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan PPIB. Tanpa sokongan daripada mereka, buku ini tidak mungkin dapat diterbitkan. Tidak dilupakan juga penghargaan ini ditujukan buat mahaguru Prof. Datuk Siti Hawa Salleh yang selama ini tidak pernah kenal erti jemu menyalurkan ilmu beliau. Paling istimewa penghargaan ini ditujukan buat emak, Hjh. Jamilah dan abah, Hj. Abdul Samad yang sentiasa mengasihi dan berdoa demi kesejahteraan diri ini.

**Lokman Abdul Samad**  
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah.



## PRAKATA

Kesusasteraan setiap bangsa di dunia ini lazimnya mempunyai sebuah atau beberapa buah karya agung atau *masterpiece*, yang disanjung oleh bangsanya dalam seluruh zaman. Seperti yang dibuktikan dalam sejarah karya-karya Plato, Aristotle, Cervantes, Voltaire, Descartes dan Shakespeare masih dikaji, dikritik, diolah dan ditafsir oleh para sarjana di seluruh dunia. Masyarakat yang mempunyai karya agung sudah tentu pernah mencapai tingkat intelektual yang tinggi dan menjadi penanda kecemerlangan kesarjanaan bangsa terbabit. Karya agung bagi sesebuah negara bangsa amat penting bagi menilai betapa tinggi darjat sesebuah bangsa terbabit di mata dunia dari segi kemantapan budaya intelek dan kesuburan ilmu yang unggul.

Secara am takrif karya agung masih baru dalam konteks kesusasteraan Melayu. Oleh yang demikian, buku ini secara keseluruhan dituliskan untuk mengungkapkan takrif agung dengan menggunakan *Hikayat Hang Tuah* sebagai sumber penelitian. Dengan menggunakan *Hikayat Hang Tuah* sebagai subjek utama kajian, penulis turut menggunakan kaedah perbandingan teks sebagai salah satu cara membuat interpretasi. Bahagian pertama, buku ini menghuraikan keunggulan gaya karangan *Hikayat Hang Tuah*, secara khusus keindahan gaya bahasa Melayu klasik. Seterusnya buku ini menyentuh persoalan dalaman dan luaran *Hikayat Hang Tuah*, iaitu nilai keramat, kudus dan suci yang dikatakan dimiliki oleh teks ini. Imej

Hang Tuah dan *Hikayat Hang Tuah*, telah banyak memberikan inspirasi kepada para pengarang dan sarjana dalam menjana kelahiran penulisan mereka. Hal ini membuktikan bahawa, sebagai sebuah karya yang berisi gagasan besar, *Hikayat Hang Tuah* sentiasa memberikan ruang yang luas bagi para penelitinya untuk meneroka apa sahaja aspek yang dikehedaki mereka. Jatidiri Melayu yang dijadikan kajian dalam satu bahagian buku ini yang mengaitkan imej Hang Tuah sebagai lambang keunggulan manusia Melayu, bukan sahaja dari aspek kepahlawanan tetapi juga merangkumi aspek nasionalisme, keilmuan dan kewibawaan sebagai seorang utusan kerajaan Melaka.

Secara keseluruhan buku ini berupaya memperlihatkan beberapa aspek yang melayakkan *Hikayat Hang Tuah* dinobatkan sebagai salah satu karya agung Melayu.